

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS SEMINAR - PEMBANGUNAN SEPADU KE ARAH MASYARAKAT
CEMERLANG
Lokasi : HOTEL HYATT KOTA KINABALU, SABAH
Tarikh : 26-10-1995

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanu Wataala oleh kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk membincangkan satu perkara yang penting yang melibatkan diri kita dan negara.

2. Selaku Pengerusi IKIM saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri di atas kesudian untuk merasmikan seminar ini.

3. Perkataan 'pembangunan' merupakan satu perkataan yang sering disebut dan juga yang sering disalahertikan. Pembangunan di dalam erti kata yang luas membawa maksud - satu perubahan ke arah yang diinginkan dan pembaharuan ke arah yang lebih baik. Persoalannya adalah apakah yang diinginkan itu? Adakah hanya pembangunan prasarana iaitu penyediaan jalanraya, bekalan air, api, kemudahan awam yang lain yang diikuti dengan usaha-usaha meningkatkan pendapatan penduduk menerusi kegiatan memperdagangkan aktiviti pertanian, pembangunan perniagaan dan perindustrian? Satu persoalan yang wajar kita beri jawapan adalah: adakah rakyat sudah membangun jikalau semua ini telah ada tetapi pada masa yang sama kita mengalami keruntuhan institusi keluarga, ramai dari belia-belia terlibat di dalam kegiatan-kegiatan rendah akhlak dan rosak moral, alam sekitar kita tercemar dan musnah dan kita masih tebal dengan fahaman perkauman dan suku- sukuan?

4. Di dalam konteks ini, sebagai manusia yang beragama, sudah tentu pertamanya kita akan mencari jawapan dan kekuatan dari sumber agama yang kita anuti. Di dalam Islam, kesederhanaan dan keseimbangan di antara kehidupan dunia dan akhirat amat dituntut. Ianya dirangkumi di dalam konsep "Al Falah" iaitu konsep kejayaan di dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Bagi umat Islam, kejayaan merupakan usaha-usaha memenuhi tuntutan kesatuan rohani dan jasmani di dunia dan sekaligus mengakibatkan kebahagiaan di akhirat.

5. Pembangunan yang dituntut oleh Islam merupakan kesatuan di dalam memenuhi keperluan-keperluan kebendaan, fizikal dan peningkatan kehidupan sosial dan budaya yang didasari dan dijiwai dari nilai- nilai moral dan etika Islam.

6. Di dalam ayat-ayat Al-Quran banyak diceritakan pengalaman-pengalaman kehidupan yang dapat dijadikan contoh dan tauladan untuk menangani kehidupan ini, misalnya: - sifat-sifat kekufuran, keangkuhan, kebendaan dan syirik yang mengakibatkan kebinasaan di atas kesenangan. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat (tanda-tanda kebesaran) daripada Tuhannya, lalu dia berpaling tadah daripadanya dan melupakan apa yang telah dikerjakan oleh kedua belah tangannya (surah Al-Kahf, ayat 57).

- penggunaan (consumption) ekonomi yang tidak adil, boros, menunjuk-nunjuk dan menekankan kesenangan kebendaan sahaja yang membawa kepada kehancuran bangsa.

- perlunya kesenangan hidup kebendaan dijiwai oleh rasa syukur kepada Allah untuk menjamin berterusannya nikmat Allah. Allah S.W.T. berfirman maksudnya: "Sesiapa yang mahukan kehidupan dunia dan perhiasannya nescaya Kami berikan kepada mereka balasan pekerjaan mereka di dunia dengan sempurna dan mereka tidak akan rugi di dunia ini. (Tetapi ingatlah bahawa itulah golongan orang tidak memperolehi sesuatupun di akhirat kecuali neraka dan lenyaplah di akhirat itu apa yang telah mereka usahakan di dunia dan siarlah apa yang mereka kerjakan" (surah Hud, ayat (15 dan 16).

7. Penerapan nilai-nilai universal yang didapati di dalam Islam amat penting sekali untuk mencapai kecemerlangan. Dalam hubungan ini, mungkin para hadirin telah mengetahui bahawa saya telah banyak mengeluarkan pekeliiling-pekeliiling kemajuan pentadbiran yang memberi garis panduan untuk mengurus

sesuatu organisasi itu. Pekeliling yang dimaksudkan ialah: (i) Panduan Meningkatkan Kualiti Layanan Urusan Melalui Telefon; (ii) Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa- jawatankuasa Kerajaan; (iii) Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam; (iv) Garis Panduan Mengenai Strategi-strategi Peningkatan Kualiti Dalam Perkhidmatan Awam; (v) Panduan Mengenai Sistem Penjadualan Yang Bersepadu (SIAP); (vi) Panduan Mengenai Peningkatan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam; (vii) Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja; (viii) Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja; (ix) Panduan Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia; (x) Panduan Mengenai Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter; (xi) Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Borang Tindakan Kerja; (xii) Penggunaan Borang-borang Baru Bagi Pengurusan Harta Modal, Inventori dan Bekalan Pejabat; (xiii) Panduan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) Bagi Perkhidmatan Awam; (xiv) Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan; (xv) Garis Panduan Sistem Perakaunan Mikro (SPM); (xvi) Pengendalian Pengaduan Awam; (xvii) Panduan Mengenai Mesyuarat Pagi; (xviii) Garis Panduan Mengenai Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam; dan (xix) Panduan Mengenai Piagam Pelanggan. Setiap PKPA itu adalah selaras dengan nilai-nilai Islam. Ini merupakan satu usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam bukan sahaja kepada anggota perkhidmatan awam yang beragama Islam tetapi kepada semua anggota sebagai satu pasukan yang padu. Pendekatan ini sudah tentu lebih berkesan kerana tidak akan ada perasaan yang berbeza-beza di kalangan anggota perkhidmatan awam kerana setiap anggota perlu mematuhi setiap pekeliiling tersebut. Sekiranya setiap anggota perkhidmatan awam mengamalkan pekeliiling ini dengan tekun dan ikhlas, dengan sendirinya mereka telah mengamalkan nilai-nilai Islam. Selain daripada pekeliiling yang telahpun diterbitkan ini, usaha ke arah memastikan bahawa pekeliiling ini telah dipatuhi juga sedang dilaksanakan. Sekiranya pekeliiling ini tidak dilaksanakan maka ia tidak akan membawa apa-apa kesan yang positif. Justeru itu, usaha bagi memastikan pelaksanaan pekeliiling- pekeliiling ini di semua peringkat adalah amat penting sekali dijalankan. Oleh kerana nilai-nilai Islam itu sendiri mempunyai kaitan yang amat rapat dengan peningkatan kualiti atau prestasi perkhidmatan, maka satu cara untuk merangsangkan pegawai dan kakitangan supaya meningkatkan prestasi mereka ialah dengan memberi anugerah kualiti.

Setakat ini Kerajaan telahpun menyediakan berbagai anugerah kualiti atau khidmat cemerlang supaya anggota perkhidmatan dapat berlumba-lumba untuk meningkatkan prestasi mereka. Anugerah seperti ini sememangnya sangat bermakna kepada anggota perkhidmatan awam. Cara rangsangan ini juga adalah selaras dengan ajaran Islam yang menuntut supaya segala usaha yang baik dihargai. Misalnya, Al-Quran mengajar kita bahawa setiap kebaikan walau sekecil zarah pun akan dibalas dengan balasan yang setimpal. Begitu juga dengan sesuatu kejahatan yang sekecil zarah pun akan dibalas dengan balasan yang setimpal. Dalam anugerah kualiti ini, antara kriterianya ialah yang berkaitan dengan nilai-nilai yang diutamakan. Akhir kata, penerapan nilai juga tidak cukup dengan mengadakan prosedur, arahan dan sebagainya, tetapi haruslah diulang atau diperingatkan sentiasa. Peringatan ini boleh dilakukan melalui latihan yang khusus yang harus diberi secara berterusan dan berulang-ulang. Ini adalah kerana nilai-nilai ini berkaitan rapat dengan jiwa atau roh manusia. Hanya jika jiwa ini diperbetulkan barulah nilai-nilai yang ingin diterapkan ini akan terbit dengan subur kerana tabiat yang baik itu hanya tumbuh dari jiwa yang amat sihat dan subur.

8. Di dalam apa juga organisasi, faktor yang terpenting bukannya sistem, struktur organisasi atau peraturan yang diwujudkan. Sistem, struktur dan peraturan ini penting dari segi menentukan supaya segala tugas itu dapat dilaksanakan mengikut cara yang paling wajar. Ianya juga penting supaya ada kesetaraan dalam pelaksanaan tugas. Tetapi, yang lebih penting ialah manusia yang melaksanakan tugas tadi. Hakikatnya ialah, kita boleh mewujudkan sistem, struktur organisasi serta peraturan yang paling baik untuk mencapai objektif organisasi itu. Tetapi, sekiranya manusia yang sepatutnya melaksanakan tugas tadi tidak mempunyai sikap yang betul dengan budaya kerja yang baik, maka segala sistem, struktur dan peraturan itu tidak akan dapat memastikan bahawa institusi atau organisasi itu dapat berjalan dengan cekap dan berkesan.

9. Seminar pada hari ini sudah tentu akan dapat memberi makna dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pembangunan yang seimbang ataupun yang bersepadu seperti yang disarankan oleh Islam itu.

10. Sekianlah sahaja ucapan pendahuluan saya dan dengan ini saya dengan segala hormatnya mempersilakan Y.A.B. Datuk Salleh Tun Said Keruak, untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan seminar ini.